

Telephone: Students Unit
(020 7402 0045)
Students Hostel
(020 7402 0953)
Fax: 020 7262 8406
Website: www.upp.org.uk
Email: admin@upp.org.uk



سورھنجاي تيڦڦي نڦار بروني دارالسلام

SURUHANJAYA TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM

(STUDENTS UNIT)
35 – 43 Norfolk Square
London W2 1RX

**SURAT PEMBERITAHUAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT
BIL. 17/2010**

**KEPADA : PELAJAR-PELAJAR BIASISWA KERAJAAN YANG DIIKAT JANJI SEBAGAI
PENDIDIK**

PELAJAR BIASISWA KERAJAAN DI LUAR NEGERI YANG DIIKAT JANJI SEBAGAI PENDIDIK

Sukacita merujuk surat Penolong Pengarah (Dermasiswa) bilangan JPLL/S/150/J1(25) bertarikh 27 Jamadilawal 1431 bersamaan 13 Mei 2010 mengenai perkara tersebut di atas.

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa semua pelajar Biasiswa Kerajaan ke Luar Negeri yang diikat janji sebagai pendidik diarahkan untuk mendapatkan tempat bagi mengikuti Diploma Pendidikan atau *Post Graduate Certificate of Education* terlebih dahulu samada di United Kingdom, Malaysia atau Australia sebelum pulang ke tanahair.

Arahan ini berkuat kuasa kepada pelajar-pelajar Biasiswa Kerajaan yang diikat janji sebagai pendidik sahaja, iaitu:

- Pelajar Tahun Akhir yang dijangka akan menamatkan pengajian pada tahun 2010 atau 2011,
- Pelajar Tahun Akhir yang dijangka menamatkan pengajian pada tahun-tahun berikutnya.

Sekian untuk perhatian dan makluman mengenainya.

Abdullah bin Haji Ahad

Pengarah Pengajian

b.p. Pesuruhjaya Tinggi

Rujukan : BSU E/5/Pt.IX

Tarikh : 05 Jamadilakhir 1431 / 19 Mei 2010